

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L
GOWINDASAMY
(KAPAR)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) apakah pandangan dan tindakan pihak Kementerian terhadap penempatan anggota dan aset tentera di Laut China Selatan oleh Negara China yang boleh menggugat keamanan dan kedaulatan negara serta ancaman kepada negara serantau; dan

- (b) pandangan terhadap persaingan negara kuasa besar di Laut China Selatan yang akan menjelaskan kepentingan negara kita dan sejauh mana kerjasama negara-negara di sekitar Laut China Selatan bagi mempertahankan kepentingan dan kedaulatan negara dan antarabangsa.

JAWAPAN:

Kawasan maritim Malaysia di Laut China Selatan merupakan laluan perkapalan dan perdagangan utama yang menghubungkan timur dan barat. Undang-undang antarabangsa khususnya di bawah *United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS) 1982* memperuntukkan hak kebebasan pelayaran (*freedom of navigation*) bagi semua kapal, termasuklah kapal perang.

Kehadiran kapal-kapal perang dan aset ketenteraan negara asing termasuk Amerika Syarikat dan China di dalam kawasan maritim Malaysia di Laut China Selatan sentiasa dipantau oleh Kementerian Pertahanan melalui penugasan aset-aset Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan juga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Selagi mana aset ketenteraan negara asing ini tidak melaksanakan sebarang aktiviti selain daripada belayar selaras dengan prinsip kebebasan pelayaran, Malaysia tidak akan menghalang atau mengganggu aktiviti kapal-kapal ini.

Bagi menangani isu persaingan di Laut China Selatan pula, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Melalui DOC, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman. Malaysia komited dan meminta semua pihak memastikan pelaksanaan yang berkesan terhadap DOC secara keseluruhannya untuk menjamin keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan.